



## SIARAN MEDIA

### **PENSIJILAN PROFESSIONAL PERKESO MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN PENGAMAL KESELAMATAN SOSIAL DI MALAYSIA DAN RANTAU INI**

**PUTRAJAYA** – Sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial di negara ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited melahirkan pengamal keselamatan sosial yang berkemahiran, kompeten dan cekap menerusi pensijilan profesional dalam pelbagai bidang.

Setakat ini, pensijilan profesional yang ditawarkan PERKESO dengan kerjasama Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya adalah ***Certified Disability Management Professional (CDMP)***, ***Certified Return to Work Coordinator (CRTWC)***, ***Certified International Pension and Retirement Professional (CIPRP)*** dan ***Professional Career Management Course (PCMC)***.

Pada tahun ini, seramai **119 peserta** telah lulus peperiksaan dan memperoleh pensijilan tersebut. Seramai **57** peserta memperoleh pensijilan **CDMP** termasuk **6 dari rantau Asia Tenggara** seperti negara Filipina, Brunei dan Singapura. Selain itu, **9** peserta menerima pengiktirafan **CRTWC**, **24** mendapat **CIPRP** dan **29** lagi, **PCMC**.

**Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar** telah menyampaikan sijil-sijil tersebut kepada **80 peserta** yang hadir di **Majlis Graduasi Pensijilan Professional PERKESO 2023** pada hari ini.

Pensijilan CDMP dan CRTWC, yang dibangunkan oleh *National Institute of Disability Management & Research* (NIDMAR), Kanada telah diperkenalkan oleh PERKESO

pada tahun **2010**. Ini menjadikan Malaysia sebagai **satu-satunya negara** yang melaksanakan pensijilan CDMP dan CRTWC di rantau Asia Tenggara.

Selain warga kerja PERKESO, pengamal keselamatan sosial dari organisasi lain di Malaysia dan juga Asia Tenggara telah memperoleh pensijilan bertaraf antarabangsa tersebut. Sehingga kini, terdapat **324 orang** pemegang sijil CDMP dan CRTWC, di mana **10** merupakan peserta dari **Asia Tenggara**.

Pensijilan **CDMP** amat bermanfaat kepada para profesional pengurusan hilang upaya seperti doktor, pakar rehabilitasi, pemulih cara kerja (*occupational therapist*) dan pakar fisioterapi. Selain memperkasakan mereka untuk melaksanakan intervensi awal dalam pengurusan kemalangan di tempat kerja serta mengurangkan impak kecederaan terhadap individu, pensijilan ini juga melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan dasar dan polisi berkaitan pengurusan hilang upaya di dalam dan luar negara. Pensijilan **CRTWC** pula adalah sama dengan CDMP tetapi memberi lebih penekanan kepada aspek pengurusan kes.

Sementara itu, kerjasama PERKESO dengan SWRC telah menghasilkan pensijilan PCMC dan CIPRP yang diperkenalkan pada tahun 2022. **PCMC** memberi fokus kepada pengurusan sistem persaraan, perlindungan sosial dan pembangunan polisi serta strategi pasca-persaraan, manakala **PCMC** menekankan pembangunan Pegawai Penempatan Pekerjaan yang profesional dan kompeten dalam perkhidmatan yang merentasi semua fungsi dalam organisasi.

PERKESO menggalakkan warga kerjanya berusaha memperoleh pensijilan profesional ini demi meningkatkan ilmu dan profesionalisme dalam bidang perlindungan keselamatan sosial negara, di samping melahirkan *social security practitioners* yang berpengetahuan luas, kompeten dan cekap di kalangan warga PERKESO.

Usaha pembangunan kapasiti dan peningkatan kemahiran, kompetensi dan kecekapan sumber manusia tempatan demi pengukuhan perlindungan keselamatan sosial yang inklusif ini adalah selaras dengan gagasan **Malaysia Madani** yang antara

lain menekankan modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi di samping memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi talian khidmat pelanggan PERKESO **1-300-22-8000**.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**3 Februari 2023**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian + 6019 – 3833 605.**